

29 FEB 2000

PERLIS CALONKAN DR MAHATHIR DAN PAK LAH

KANGAR, 29 Feb (Bernama) -- UMNO Perlis telah mengambil ketetapan untuk mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden parti dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalannya dalam pemilihan parti itu Mei ini, kata Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim hari ini.

Katanya, tiga bahagian UMNO di Perlis akur dengan nasihat Majlis Tertinggi (MT) supaya dua jawatan utama tidak dipertandingkan pada pemilihan tersebut.

Bercakap kepada para pemberita di pejabatnya hari ini, Shahidan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Perlis bagaimanapun berkata, pencalonan tiga jawatan naib presiden bergantung kepada keputusan setiap bahagian.

"UMNO tidak mengenyahkan amalan demokrasi dalam pemilihan pucuk pimpinan tetapi jika amalan itu menjurus kepada perpecahan, ia tidak lagi sesuai," katanya.

Shahidan yang juga Ketua UMNO bahagian Arau berharap anggota-anggota UMNO melihat positif proses pemilihan pucuk pimpinan UMNO demi kepentingan parti.

Sementara itu, UMNO bahagian Padang Besar yang diketuai Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid akan bersidang pada 12 Mac manakala bahagian Arau pada 19 Mac dan bahagian Kangar pada 26 Mac.

-- BERNAMA

AD RI